

Usah guna kebebasan berhimpun untuk menipu, memfitnah: PM

Anwar ingatkan semua pihak tak ambil kesempatan kelonggaran syarat anjur himpunan aman

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua pihak supaya tidak mengambil kesempatan di atas keputusan kerajaan melonggarkan syarat bagi penganjuran perhimpunan aman di mana-mana tempat di negara ini.

Perdana Menteri berkata, mereka juga perlu memastikan himpunan yang mahu dianjurkan perlu dengan alasan munasabah, di samping dapat membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam pengawalan keselamatan.

“Bagi notis awal, isu biarlah munasabah. Ini isu pembangunan bandar, pemulihan bandar (pun mahu buat himpunan). Kita mahu tolong penduduk miskin majoriti Melayu. Kawasan itu kita mahu bangunkan semula, jadi

nak bantah sebab apa.

“Oh (alasan) ini hak Melayu, sejak bila kamu perjuangkan. Bila kamu perintah dulu, tiada pun usaha membangunkan kawasan orang miskin, flat lama termasuk kawasan orang Melayu di bandar. (Itu yang) kita mahu usahakan (bangunkan),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Majlis Peletakan Logo Malaysia MADANI di rangkaian Restoran Nasi Kandar Putrajaya (Singgah MADANI), di sini semalam.

Ulas pihak bantah RUU URA

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pihak yang membantah Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (URA) perlu turun padang melihat sendiri flat usang yang ada di ibu kota.

“Sebab itu, saya nak bagi ingatan, jangan guna kebebasan ini (berhimpun) untuk menipu dan memfitnah apatah lagi atas nama orang Islam dan Melayu. Kita nak bangunkan orang Melayu, kamu hanya dengki dan hasad, sebenarnya penyakit mereka ini penyakit hasad dengki, tak boleh tengok orang senang dan projek yang baik.

“Sekarang ini umpamanya, bila laksana projek, dia tak pernah pergi belah (lawat) Kampung Kerinci, flat Sri Perlis (di Cheras)



Anwar meletakkan logo Singgah MADANI di Restoran Nasi Kandar Liga Maju Putrajaya di Presint 2, Putrajaya, semalam. Turut sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (kiri). (Foto BERNAMA)

dan sebagainya.

“Ia terlalu daif, saya tidak mahu umpamanya dengan kesungguhan pembangunan sekarang, kita ketepikan atau menyisihkan kedudukan orang miskin. Tanggungjawab kita adalah untuk *push* (laksana) pembangunan se-

mula,” katanya.

Pada Rabu lalu, Timbalan Ketua Pemuda PAS, Mohd Hafez Sabri, dalam kenyataannya mengumumkan pihaknya merancang mengadakan himpunan besar-besaran bagi membantah RUU URA itu.

Sejak RUU URA berkenaan diumumkan, pembangkang serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantah pelaksanaannya dengan alasan undang-undang itu mahu mengusir orang Melayu dari bandar, dakuwaan yang dinafikan kerajaan.